

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KURSUS PENYELIA-PENYELIA PELAJARAN DEWASA SELURUH MALAYSIA DI SEKOLAH MENENGAH KAMPONG PANDAN, KUALA LUMPUR PADA 6 DISEMBER, 1965**

Saya berasa sukacita kerana dapat peluang membuka sekali lagi kursus Penyelia-penyelia Pelajaran Dewasa seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Tahun yang lalu saya telah membuka kursus seumpama ini juga. Sukacita mendengar yang pada kali ini kursus tuan-tuan dijalankan seperti suatu seminar untuk membicarakan segala perkara dan masalah yang berkait dengan rancangan pelajaran dewasa. Ini sudah tentu akan memberi faedah yang besar kepada tuan-tuan dan kepada pelajar-pelajar pelajaran dewasa amnya.

Pelajaran Dewasa dijalankan bukan sahaja untuk membasmi buta huruf tetapi juga untuk menanam dan menghidupkan semangat kesedaran rakyat di luar bandar supaya dapat menyesuaikan diri dan mengambil peranan yang lebih cergas bagi membaiki dan meninggikan taraf hidup mereka. Pembangunan Luar Bandar kita telah berjalan dengan lancar dan pesatnya. Oleh itu penduduk-penduduk luar bandar mestilah dapat menyesuaikan diri mengejar kemajuan ini kalau tidak mereka akan ditinggalkan oleh kemajuan dan hidupnya lebih menderita.

Bagi menyebarkan semangat dan jiwa merdeka yang penting ini saya berharap dan percaya tuan-tuan dan puan akan mengambil peranan yang utama di kawasan-kawasan luar bandar kerana dalam menjalankan tugas maka tuan-tuan dan puanlah orang-orang yang berdamping rapat dengan penduduk-penduduk di luar-luar bandar.

Penyelia-penyelia juga diharap dapat memberi penerangan dengan sebenarnya apa yang telah dijalankan oleh kerajaan kita bagi membaiki nasib dan meninggikan taraf penduduk-penduduk di luar bandar yang selama ini ketinggalan oleh dasar penjajahan.

Tuan-tuan dan puan-puan boleh pula memberi tunjuk ajar dengan betul kepada mereka bagaimana hendak menggunakan segala kemudahan-kemudahan luar bandar yang diadakan oleh Kerajaan.

Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat berusaha mengubah sikap dan cara berfikir sesuai dengan perubahan kemajuan yang sedang

bergerak, dengan jalan masing-masing menggerakkan daya usaha sendiri dengan tidak semata-mata menunggu pemberian Kerajaan sekalipun atas perkara-perkara yang kecil-kecil.

Penduduk-penduduk di luar-luar bandar hendaklah digalakkan supaya jangan mudah berpuas hati dengan apa yang ada sepeninggalan datuk nenek mereka dahulu sahaja. Tetapi mestilah digalakkan supaya bersikap mahu melipatgandakan usaha dan tenaga menuju cara hidup baharu yang membolehkan mereka mencapai taraf penghidupan yang lebih makmur dan bahagia.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sekarang sedang menyusun rancangan-rancangan di dalam bidang Pembangunan Masyarakat yang akan memerlukan peranan yang lebih giat oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung serta juga tindakan dan perhatian yang lebih berat dan berkesan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Rancangan itu akan juga memerlukan tenaga dan usaha daripada anggota Pelajaran Dewasa untuk menjayakannya.

Saya berharap dengan melalui rancangan pelajaran dewasa dan pembangunan masyarakat penduduk-penduduk luar bandar akan mendapat lebih kesedaran dan semangat baharu.

Jalankan lah tugas dengan bersungguh-sungguh ikhlas dan jujur.

Saya dengan sukacitanya membuka kursus tuan ini.